

Siaran Media: Pembekuan Kenaikan Kadar Tol Lebuhraya Di Seluruh Negara Bagi Tahun 2019 Serta Pemansuhan Tol Motosikal Bermula Pada Tahun 2019 Melibatkan Kos Kerajaan Sebanyak RM994.43 Juta Memanfaatkan Rakyat Malaysia

Khamis, Dis 27 2018



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

PEMBEKUAN KENAikan KADAR TOL LEBUHRAYA DI SELURUH NEGARA BAGI TAHUN 2019 SERTA PEMANSUHAN TOL MOTOSIKAL BERMULA PADA TAHUN 2019 MELIBATKAN KOS KERAJAAN SEBANYAK RM994.43 JUTA MEMANFAATKAN RAKYAT MALAYSIA

Jemaah Menteri pada 12 Disember 2018 telah bersetuju untuk membekukan kenaikan kadar tol bagi semua kelas kenderaan di 21 lebuhraya di seluruh negara yang tolnya layak dinaikkan pada tahun 2019. Ini adalah satu penambahbaikan ketara kepada pengumuman Belanjawan 2019 pada 2 November 2018 yang membekukan semua kenaikan kadar tol di lebuhraya dalam bandar sahaja untuk tahun hadapan.

Pembekuan kenaikan kadar tol di 21 lebuhraya secara komprehensif di seluruh negara bagi tahun 2019, pembekuan kadar tol bagi bas di 8 lebuhraya berasingan pada tahun yang sama serta pemansuhan tol motosikal di Jambatan Pulau Pinang (Jambatan Pertama Pulau Pinang) dan Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (Jambatan Kedua Pulau Pinang) serta di Lebuhraya Laluan Kedua di Johor bermula 1 Januari 2019, akan melibatkan kos kerajaan yang dianggarkan sebanyak RM994.43 Juta bagi tahun hadapan. Perbelanjaan ini adalah untuk memanfaatkan rakyat Malaysia.

Pembekuan komprehensif ini adalah berasaskan kepada tanggungjawab Kerajaan Persekutuan pimpinan Pakatan Harapan untuk meringankan beban sara hidup yang dipikul oleh rakyat Malaysia. Kerajaan menganggarkan bahawa pembekuan kadar tol bagi semua kelas kenderaan di 21 lebuhraya akan melibatkan kos bayaran pampasan yang dianggarkan berjumlah RM972.75 Juta kepada syarikat konsesi lebuhraya yang berkenaan untuk tahun 2019. Senarai 21 lebuhraya dan plaza tol yang layak mendapat kenaikan kadar tol tetapi telah dibekukan kenaikannya pada tahun 2019, adalah seperti berikut (jadual hanya menunjukkan kadar tol bagi kenderaan Kelas 1 / Kereta):-

Bil.	Lebuhraya / Plaza Tol	Kadar Tol Semasa Kenderaan Kelas 1 Dibekukan	Kadar Tol 2019 Berdasarkan Perjanjian Konsesi
1.	Lebuhraya Utara-Selatan		
	Sistem Tertutup	13.60 sen/km	14.99 sen/km
	Plaza Tol Jitra	RM1.60	RM1.80

	Plaza Tol Kempas	RM2.10	RM2.30
	Plaza Tol Bangunan Sultan Iskandar	RM2.90	RM3.20
2.	Lebuhraya Laluan Kedua Malaysia-Singapura (LINKEDUA)		
	Plaza Tol Tanjung Kupang (Lebuhraya)	RM2.20	RM2.40
	Plaza Tol Tanjung Kupang (Jambatan)	RM5.30	RM5.90
	Plaza Tol CIQ	RM10.60	RM11.80
	Plaza Tol Lima Kedai	RM3.90	RM4.30
	Plaza Tol Perling	RM2.30	RM2.50
3.	Lebuhraya Shah Alam (KESAS)	RM2.00	RM2.50
4.	Lebuhraya Utara Selatan Hubungan Tengah (ELITE)		
	Sistem Tertutup	14.96 sen/km	16.50 sen/km
	Levi Plaza Tol KLIA	0.53 sen	0.59 sen
5.	Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1)	12.00 sen/km	14.52 sen/km
6.	Lebuhraya Sungai Besi (BESRAYA)	RM2.00	RM2.50
7.	Lebuhraya Baru Pantai (NPE)		
	Plaza Tol Petaling Jaya Selatan 2 (PJS2)	RM1.00	RM2.30
8.	Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP)	RM2.10	RM3.10
9.	Lebuhraya Bertingkat Ampang-Kuala Lumpur	RM2.50	RM3.50
10.	Lebuhraya Butterworth-Kulim (BKE)	RM1.60	RM1.80
11.	Lebuhraya Duta-Ulu Klang (DUKE)	RM2.50	RM3.30
12.	Lebuhraya Kuala Lumpur-Putrajaya (MEX)		
	Plaza Tol Utama Putrajaya	RM3.50	RM4.90
	Plaza Tol Salak Selatan	RM2.00	RM2.50
	Plaza Tol Seri Kembangan	RM2.20	RM3.10
13.	Lebuhraya Kajang - Seremban (LEKAS)		
	Sistem Tertutup	18.11 sen/km	19.92 sen/km
	Plaza Tol Empangan	RM2.30	RM2.60

14.	Lebuhraya Senai - Desaru (SDE)		
	Sistem Tertutup	18.11 sen/km	19.92 sen/km
	Plaza Tol Sungai Johor Crossing	1.33 sen/km	1.46 sen/km
15.	Lebuhraya Skim Penyuraian Trafik Kuala Lumpur Barat (SPRINT)		
	Plaza Tol Pantai	RM2.50	RM3.50
	Plaza Tol Hubungan Penchala	RM3.00	RM5.00
16.	Lebuhraya Lembah Kelang Selatan (SKVE)	18.11 sen/km	19.92 sen/km
17.	Lebuhraya Seremban - Port Dickson (SPDH)		
	Plaza Tol Mambau	RM3.20	RM3.60
	Plaza Tol Lukut	RM0.80	RM0.90
18.	Lebuhraya Pintas Selat Klang Utara Baru (NNKSB)		
	Plaza Tol Bukit Raja	RM0.60	RM0.70
	Plaza Tol Kapar	RM2.70	RM3.20
	Plaza Tol Laluan Kapar-Bukit Raja	RM1.40	RM1.70
	Plaza Tol Laluan Pel. Klang-Kapar	RM1.60	RM1.90
19.	Lebuhraya Koridor Guthrie (GCE)	RM1.90	RM2.60
20.	Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (JPP2)	RM8.50	RM9.40
21.	Sistem Pengurusan Air Banjir Dan Terowong (SMART)	RM3.00	RM4.00

Jemaah Menteri juga telah bersetuju membekukan kenaikan kadar tol untuk kenderaan Kelas 5 (bas) dengan anggaran kos RM1.68 Juta di 8 lebuh raya berasingan seperti berikut:-

Bil.	Lebuh Raya / Plaza Tol	Kadar Tol Semasa Kenderaan Kelas 1 Dibekukan	Kadar Tol 2019 Berdasarkan Perjanjian Konsesi
1.	Lebuhraya Cheras - Kajang (GRANDSAGA)		
	Plaza Tol Batu 9	RM1.00	RM1.30
	Plaza Tol Batu 11	RM0.90	RM1.30
2.	Lebuhraya Kuala Lumpur - Karak (KLK)		
	Plaza Tol Gombak	RM5.00	RM6.00

	Plaza Tol Bentong	RM3.00	RM3.50
3.	Lebuhraya Kemuning- Shah Alam (LKSA)		
	Plaza Tol Seri Muda	RM1.20	RM1.70
	Plaza Tol Alam Impian	RM0.60	RM0.90
4.	Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth (BORR)	12.00 sen/km	14.52 sen/km
	Plaza Tol Perai	RM1.30	RM1.50
	Plaza Tol Bagan Ajam	RM1.20	RM1.50
	Plaza Tol Sg. Nyior	RM0.90	RM1.20
5.	Lebuhraya Sistem Lingkaran Kajang (SILK)		
	Plaza Tol Sungai Balak / Sungai Ramal / Bukit Kajang / Sungai Long	RM1.00	RM1.80
	Bukit Kajang / Sungai Long	RM2.30	RM2.60
6.	Lebuhraya KL - Kuala Selangor (LATAR)		
	Plaza Tol Ijok/ Kuang/ Rimba Templer	RM2.00	RM2.50
7.	Lebuhraya Baru Pantai (NPE)		
	Plaza Tol Pantai Dalam	RM1.60	RM2.30
	Plaza Tol Petaling Jaya Selatan 2 (PJS2)	RM1.60	RM2.30
	Plaza Tol Petaling Jaya Selatan 5 (PJS5)	RM1.60	RM2.30
8.	Lebuhraya Penyuraian Trafik Kuala Lumpur Barat (SPRINT)		
	Plaza Tol Damansara	RM1.00	RM2.00

Seperti yang diumumkan dalam pembentangan Belanjawan 2019, Kerajaan turut akan memansuhkan tol motosikal di Jambatan Pulau Pinang (Jambatan Pertama Pulau Pinang), Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (Jambatan Kedua Pulau Pinang), serta Lebuhraya Laluan Kedua di Johor. Langkah pemansuhan ini dianggarkan memerlukan peruntukan RM20 Juta setahun daripada Kerajaan untuk bayaran pampasan mulai 1 Januari 2019.

Jumlah anggaran bayaran pampasan daripada Kerajaan kepada syarikat konsesi lebuh raya pada tahun 2019 untuk membekukan kenaikan kadar tol bagi tahun 2019 dan memansuhkan kutipan tol motosikal bermula pada tahun 2019 adalah seperti berikut:-

Bil.	Perkara	Anggaran Pampasan (RM Juta)
1.	Pembekuan Kenaikan Kadar Tol Untuk Semua Kelas Kenderaan di 21 Lebuh Raya Bagi Tahun 2019	972.75

2.	Pembekuan Kenaikan Kadar Tol Untuk Kenderaan Kelas 5 (Bas) di 8 Lebuhraya Bagi Tahun 2019	1.68
3.	Pemansuhan Kutipan Tol Motosikal di Jambatan Pulau Pinang dan Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah di Pulau Pinang, serta Lebuhraya Laluan Kedua di Johor	20.00
Jumlah		994.43

Kerajaan sedang mengkaji kaedah terbaik untuk memenuhi janji manifesto yang terkandung dalam Buku Harapan. Pembekuan ini adalah sebahagian daripada usaha tersebut.

Sayangi Malaysiaku!

Lim Guan Eng

Menteri Kewangan

Kementerian Kewangan Malaysia

Putrajaya

27 Disember 2018